



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN: **LJT 6 Jld. 9 / (10)**

RUJUKAN KAMI:

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

4 September 2015

Semua Juruukur Tanah Berlesen

PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2015

PERTUKARAN NOMBOR AKAUN BANK LEMBAGA JURUKUR TANAH (LJT) UNTUK BAYARAN DEPOSIT FI UKUR DAN LAIN-LAIN BAYARAN

1. TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pertukaran nombor akaun bank Lembaga Jurukur Tanah (LJT) untuk tujuan pembayaran deposit fi ukur dan lain-lain bayaran oleh Juruukur Tanah Berlesen (JTB).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pada masa ini, LJT memiliki dua akaun bank yang dibuka dengan CIMB Bank Berhad. Setiap satu akaun bank masing-masing berfungsi bagi tujuan pembayaran dan penerimaan wang. Kedua-dua akaun telah dibuka pada tahun 1980-an.
- 2.2. Kebelakangan ini didapati terdapat sejumlah wang telah didepositkan ke akaun LJT tanpa dapat dikenalpasti punca dan tujuannya. Ini telah menyukarkan pihak LJT untuk memproses bayaran tersebut bagi tujuan pengeluaran resit rasmi.
- 2.3. LJT telah mengambil langkah memaklumkan perkara ini kepada semua JTB dan meminta mereka supaya tampil segera ke LJT sekiranya terdapat antara deposit yang tidak dikenalpasti itu berpunca dari mereka. Walau bagaimanapun, sehingga kini isu wang deposit tidak dikenalpasti punca dan tujuannya ini masih lagi belum dapat diselesaikan dengan sebaiknya.
- 2.4. Sehubungan dengan itu, LJT telah mengambil keputusan untuk membuat pertukaran nombor akaun bank bagi tujuan kutipan deposit fi ukur dan lain-lain bayaran. Adalah diharapkan dengan pertukaran ini urusan pentadbiran dan kewangan di LJT akan dapat diperkemaskan.

3. NOMBOR AKAUN BANK YANG BARU DAN TUJUANNYA

Nombor akaun bank yang perlu digunakan adalah berdasarkan kepada tujuan pembayaran dibuat.

3.1. NOMBOR AKAUN BANK KHUSUS UNTUK INDIVIDU JURUUKUR TANAH BERLESEN (JTB) BAGI TUJUAN

- i- **BAYARAN DEPOSIT FI UKUR; dan**
- ii- **PEMBAHARUAN LESEN UKUR**

Maklumat akaun bank tersebut adalah seperti berikut;

Nama Akaun : LEMBAGA JURUKUR TANAH
Nombor Akaun : <NOMBOR AKAUN KHUSUS UNTUK JTB>
 <RUJUK SURAT LJT 526/(5)>
 <KEPADA SETIAP JTB>
Nama Bank : CIMB ISLAMIC BANK BERHAD
Cawangan : TAMAN MELAWATI

- 3.1.1. Setiap JTB akan diberi nombor akaun bank yang unik.
- 3.1.2. JTB dinasihatkan supaya tidak berkongsi nombor akaun bank mereka dengan JTB yang lain bagi mengelakkan sebarang kesulitan dalam mendaftarkan kerja ukur dan pengeluaran lesen praktis.
- 3.1.3. JTB juga tidak digalakkan untuk memberi nombor akaun bank ini kepada pihak-pihak yang tidak dikenali.
- 3.1.4. Nombor akaun bank ini juga akan tertera dalam Penyata Tuntutan Bayaran – Deposit Fi Ukur yang dikeluarkan melalui sistem eLJT (Borang LJT700/LJT710/LJT800/LJT810) untuk dimajukan kepada pelanggan JTB.
- 3.1.5. Nombor akaun bank ini boleh disemak oleh JTB melalui sistem eLJT di bawah profil JTB seperti contoh di '**Lampiran A**'.
- 3.1.6. Sekiranya JTB telah tersalah mendepositkan bayaran fi ukur atau pembaharuan lesen praktis ke nombor akaun bank yang bukan miliknya, JTB hendaklah segera menghubungi LJT dan melampirkan bukti-bukti pembayaran beserta dokumen-dokumen berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

3.2. NOMBOR AKAUN BANK BAGI TUJUAN;

- i- PENDAFTARAN JURUUKUR TANAH;
- ii- PERMOHONAN LESEN UKUR;
- iii- PENDAFTARAN NAMA FIRMA;
- iv- PENDAFTARAN ARTIKEL PUPIL; dan
- v- PEMBAHARUAN ARTIKEL PUPIL

Maklumat akaun bank tersebut adalah seperti berikut;

Nama Akaun : LEMBAGA JURUKUR TANAH
Nombor Akaun : 98966004580001
Nama Bank : CIMB ISLAMIC BANK BERHAD
Cawangan : TAMAN MELAWATI

- 3.2.1. Nombor akaun bank ini adalah untuk kegunaan bersama semua JTB bagi tujuan tersebut di atas sahaja.
- 3.2.2. JTB adalah dikehendaki menghubungi LJT dengan melampirkan bukti bayaran dan dokumen-dokumen berkaitan dengan kadar segera sebaik sahaja mendepositkan bayaran ke akaun bank tersebut.
- 3.2.3. Sekiranya terdapat bayaran yang tidak dapat dikenalpasti pendepositnya selepas satu tempoh waktu, LJT akan menghantar bayaran tersebut ke Wang Tidak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara.
- 3.2.4. Sebarang urusan tuntutan dari Wang Tidak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara adalah di bawah tanggungjawab pendeposit.

3.3. NOMBOR AKAUN BANK BAGI TUJUAN PEMBAYARAN YURAN KURSUS DAN LAIN-LAIN YURAN.

Maklumat akaun bank tersebut adalah seperti berikut;

Nama Akaun : LEMBAGA JURUKUR TANAH
Nombor Akaun : 98966004580002
Nama Bank : CIMB ISLAMIC BANK BERHAD
Cawangan : TAMAN MELAWATI

- 3.3.1. Nombor akaun bank ini adalah untuk kegunaan bersama semua JTB bagi tujuan tersebut di atas sahaja.
- 3.3.2. JTB adalah dikehendaki menghubungi LJT dengan melampirkan bukti bayaran dan dokumen-dokumen berkaitan dengan kadar segera sebaik sahaja mendepositkan bayaran ke akaun bank tersebut.
- 3.3.3. Sekiranya terdapat bayaran yang tidak dapat dikenalpasti pendepositnya selepas satu tempoh waktu, LJT akan menghantar bayaran tersebut ke Wang Tidak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara.
- 3.3.4. Sebarang urusan tuntutan dari Wang Tidak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara adalah di bawah tanggungjawab pendeposit.

4. KAEADAH-KAEADAH BAYARAN BAGI NOMBOR-NOMBOR AKAUN BANK BARU

- 4.1. Untuk makluman, tiada perubahan pada kaedah bayaran bagi nombor-nombor akaun yang baru ini. Kaedah sedia ada masih digunakan seperti biasa. Kaedah-kaedah tersebut adalah seperti berikut;
 - 4.1.1. Pindahan dana elektronik (EFT);
 - 4.1.2. Pindahan wang melalui ATM;
 - 4.1.3. Deposit cek melalui cawangan-cawangan CIMB;
 - 4.1.4. Deposit tunai melalui mesin Deposit Tunai di cawangan-cawangan CIMB; atau
 - 4.1.5. Penerimaan cek/cek banker/kiriman wang pos di kaunter pejabat LJT.
- 4.2. LJT tidak menggalakkan bayaran secara tunai di kaunter pejabat LJT. JTB dikehendaki membankkan tunai tersebut terlebih dahulu dan menyerahkan slip bank untuk berurusan dengan LJT.

5. PENUTUPAN AKAUN BANK CIMB 8002401278 (NOMBOR AKAUN LAMA CIMB 14410005240054)


- 5.1. Selaras dengan pengenalan nombor akaun bank baru seperti yang telah disenaraikan sebelum ini, adalah dimaklumkan bahawa akaun bank di atas akan dibekukan **berkuatkuasa 30 September 2015**.
- 5.2. JTB dikehendaki memaklumkan kepada pelanggan berkenaan pertukaran nombor akaun bank LJT dengan kadar segera untuk mengelakkan sebarang kesulitan.
- 5.3. JTB dikehendaki memaklumkan LJT sekiranya terdapat bayaran yang telah didepositkan ke akaun di atas tetapi Borang LJT700/LJT710/LJT800/LJT810 masih belum dikemukakan.
- 5.4. Sekiranya terdapat bayaran yang tidak dapat dikenalpasti pendepositnya selepas satu tempoh waktu, LJT akan menghantar bayaran tersebut ke Wang Tidak Dituntut, Jabatan Akautan Negara.
- 5.5. Sebarang urusan tuntutan dari Wang Tidak Dituntut, Jabatan Akautan Negara adalah di bawah tanggungjawab pendeposit.

6. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini hendaklah dikuatkuasakan penggunaannya mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK Sr AHMAD FAUZI BIN NORDIN, PMW, DSAP, DPMT, JSM, SMZ, KMN)
Pengerusi
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

'LAMPIRAN A'



Main | Registration | Survey Job | Home | HELP | [Logout](#)

User : KHAIRUL AHMAD BIN HJ ADMAN | Role(s) : LLS | Logged On : 26/08/2015 10:36

View License Land Surveyor's Details



LLS Number : 0888
RLS Number : 888
Registration Date : 21/09/2013
First License Date : 01/10/2013
Title :
LLS Name : KHAIRUL AHMAD BIN HJ ADMAN
Honorifics :
NRIC/Passport Number : T13710665237
DLIC Number : A1917444
Status : ACTIVE

[Information](#) | [Main Address](#) | [Branch Address](#) | [Bank Account](#) | [CPD Points](#) | [Collection Account](#)

Account Name : Lembaga Jurukur Tanah
Account No : 88566004580888
Bank Name : CIMB BANK BERHAD
Branch : TAMAN MELAWATI

[Information](#) | [Main Address](#) | [Branch Address](#) | [Bank Account](#) | [CPD Points](#) | [Collection Account](#)

© Copyright Protected 2011 Land Surveyors Board Malaysia
Best resolution with 1024 x 768
[Disclaimer](#)

CONTOH